



JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN

**YBRS. PUAN FATIMAH ZURAI DAH BIN TI SALLEH
TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

**PERHIMPUNAN BULANAN JKM
BIL. 3/2021**

**27 OGOS 2021 (JUMAAT)
SECARA MAYA**

Assalamualaikum Waahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Malaysia Prihatin

Terima kasih saudara/i pengacara majlis,

SALUTASI

YBrs. Puan Rosmahwati binti Ishak,
Timbalan Ketua Pengarah (Strategik)

Encik Zuhami Omar
Pengarah Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya
selaku Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Perhimpunan kali
ini,

Pengarah-Pengarah Bahagian,

Pengarah-Pengarah Negeri,

Semua Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah dan
Ketua Institusi

Semua warga Ibu Pejabat JKM, dan

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin yang saya
hormati sekalian.

I. PENDAHULUAN

Sidang hadirin yang dikasihi,

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya dapat kita semua hadir secara maya di **Perhimpunan Bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat Bilangan 3 Tahun 2021.**
2. Pada kesempatan ini, saya mengucapkan **syabas dan tahniah kepada pihak penganjur iaitu Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya** yang menjadi urus setia bagi Perhimpunan Bulanan JKM kali ini. Walaupun kini kita masih lagi berhadapan dengan cabaran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta kekangan tugas, Alhamdulillah perhimpunan kali ini dapat juga dilaksanakan walaupun secara maya.
3. **Terima kasih saya ucapkan** kepada Timbalan Ketua Pengarah (Strategik), Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengarah-Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri, Pegawai-Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah, Ketua-

Ketua Institusi serta semua warga JKM yang dapat hadir pada hari ini.

II. SELAYANG PANDANG

Sidang hadirin yang dikasihi,

4. Bulan Ogos pada tahun ini telah menyaksikan **perubahan dalam dimensi politik negara**. Walaupun perletakan jawatan Perdana Menteri dan Jemaah Menteri pada 16 Ogos 2021 yang lalu, kita sebagai penjawat awam perlu terus mendukung tekad untuk berkhidmat demi negara Malaysia yang tercinta ini.

Sebagai jentera Kerajaan, kita sentiasa sedaya upaya **melaksanakan semua dasar yang telah diputuskan** bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat terutama dalam tempoh yang sangat mencabar ini.

Saya memetik perutusan YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara (KSN) bahawa “Perkhidmatan Awam telah mengemudi pelayaran yang **penuh liku dalam pelbagai konflik dan situasi yang mencabar**. Layarnya perlu selari dengan tiupan bayu, dikemudi cekap dan

arahnya menepati destinasi yang hendak dilabuhkan. Walau apa pun gelora dan badai melanda, pelayaran ini akan **kita teruskan bagi melaksanakan tanggungjawab demi Negara** yang kita cintai ini’.

Justeru, kita sebagai anggota Perkhidmatan Awam akan **terus menggalas amanah** yang dipertanggungjawab seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Kita hendaklah berpegang teguh kepada **ikrar Perkhidmatan Awam** dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan Negara.

Sebagai penjawat awam, tugas perlu dilaksanakan dengan penuh komited dan mendukung **konsep neutrality dan serve to government of the day** berlandaskan *rule of law*.

Sidang hadirin yang dikasihi,

4.1 BULAN KEMERDEKAAN

Bulan Ogos merupakan **Bulan Kemerdekaan** yang perlu kita hayati dan selami akan pengorbanan pejuang dulu dalam memperjuangkan kebebasan negara kita daripada

penjajah. Setiap tahun, apabila hampir tiba tarikh keramat 31 Ogos, kita semua akan berusaha untuk menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan agar semangat kemerdekaan dan menghargai kebebasan itu sentiasa mekar dan subur dalam sanubari semua rakyat negara ini. Oleh itu, sempena Hari Kemerdekaan yang ke-64 yang akan kita sambut pada 31 Ogos 2021 nanti, Perhimpunan bulanan JKM kali ini akan bertemakan semangat kemerdekaan.

‘Malaysia Prihatin’ sekali lagi diangkat sebagai tema sambutan pada tahun ini kerana seluruh rakyat Malaysia turut bersolidariti dengan Kerajaan menangani cabaran pandemik COVID-19. Keprihatinan Kerajaan terbukti melalui pelbagai inisiatif merangkumi aspek ekonomi, kebajikan dan kelangsungan hidup rakyat Malaysia.

Sidang hadirin yang dikasihi,

5. Perhimpunan Bulanan merupakan **salah satu platform untuk menghimpunkan warga kerja Jabatan** pada setiap bulan. Dalam menjalani kehidupan dan norma baru serta untuk memutuskan rantai COVID-19, perhimpunan bulanan JKM juga harus dijalankan secara maya. Adalah diharapkan dengan inisiatif baru bagi

mengadakan perhimpunan pada setiap bulan ini, **informasi dan perkembangan terkini berkaitan Jabatan** akan sentiasa dapat dikemas kini di semua peringkat sama ada negeri, daerah dan institusi.

5.1 Program Kembara Prihatin Bersama Skwad Prihatin Negara (SPN)

YAB Perdana Menteri telah merasmikan Pelancaran Bakul Prihatin Negara pada 15 Julai 2021 lalu. Program ini adalah komitmen kerajaan dalam memelihara kesejahteraan rakyat dan masyarakat yang terjejas ekoran pandemik COVID-19. Program berkonsepkan **“whole society”** ini membabitkan kerjasama pihak Kerajaan, sektor korporat dan orang ramai. Sesungguhnya Jabatan Kebajikan Masyarakat amat menghargai sumbangan semua pihak yang telah menjayakan program agihan BPN ini khususnya Skwad Prihatin Negara (SPN), dan khasnya kepada seluruh warga JKM. Usaha murni ini diharap dapat meringankan beban mereka yang sedang menghadapi saat sukar dan dapat meneruskan kelangsungan hidup.

Sehingga 17 Ogos 2021, **jumlah permohonan Bakul Prihatin Negara adalah sebanyak 466,216 (kumulatif)**

yang telah diterima oleh JKM. Pengagihan Bakul Prihatin Negara kepada mereka yang terjejas dan memerlukan telah dilaksanakan sejak 16 Julai 2021. **Status terkini bilangan penerima Bakul Prihatin Negara yang telah dibuat pengagihan di seluruh Negara adalah sebanyak 101,201 (kumulatif) penerima dengan jumlah isi rumah adalah seramai 357,417 orang.**

5.2 Bantuan Khas OKU (PEMULIH)

Menerusi Pelan Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH), JKM telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan Bantuan Kewangan Khas bagi OKU. **Kerajaan menyediakan bantuan kewangan sebanyak RM500 seorang setiap bulan selama tempoh tiga bulan bagi individu OKU yang hilang/tiada pekerjaan.** Sebanyak RM30 juta disediakan oleh Kerajaan bagi membantu individu OKU yang bukan penerima bantuan bulanan JKM yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Permohonan ini telah dibuka mulai 19 Julai hingga 6 Ogos 2021 yang lalu. Sebanyak **8,509 permohonan telah diterima oleh Jabatan ini bagi pakej PEMULIH di bawah Bantuan Khas OKU.**

5.3 Program Subsidi Tambang Pengangkutan Oku & Warga Emas Bagi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK).

Di bawah inisiatif PEMULIH, program subsidi tambang pengangkutan ini merupakan satu insentif kepada Orang Kurang Upaya (OKU) dan warga emas yang memerlukan akses pengangkutan untuk ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV). **Peruntukan RM10 juta dijangka akan memberi manfaat kepada seramai 333,334 orang kumpulan sasar OKU dan warga emas.**

Garis Panduan Program Subsidi Tambang Pengangkutan Orang Kurang Upaya (OKU) Dan Warga Emas ke PPV telah diluluskan oleh Pegawai Pengawal KPWKM pada 6 Ogos 2021 dan permohonan bagi melantik GRAB sebagai rakan strategik telah diangkat bagi kelulusan Kementerian Kewangan pada 9 Ogos 2021.

5.4 Projek Rintis Penyampaian Perkhidmatan Alternatif (ASD) Di Rumah Seri Kenangan Seri Iskandar, Perak

Program Tinjauan dan Pemantauan kesiapsiagaan Pelaksanaan Projek Rintis Penyampaian Perkhidmatan Alternatif (ASD) di Rumah Seri Kenangan Seri Iskandar, Perak. **Tinjauan dan pemantauan kesiapsiagaan projek rintis ASD ini telah dilaksanakan pada 14 Ogos 2021 di RSK Seri Iskandar. Program ini telah disempurnakan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)** dengan menyerahkan *mock cheque* kepada pertubuhan yang akan melaksanakan perkhidmatan ASD penjagaan warga emas.

5.5 Pemberian Program Vaksin Di Institusi JKM

Dalam memastikan kumpulan sasaran dilindungi, JKM telah bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi Program Vaksinasi di Institusi JKM. Sehingga 12 Ogos 2021, **jumlah keseluruhan OKU yang menerima vaksin adalah 684 orang di institusi OKU manakala seramai 1,660 orang di institusi Warga Emas serta 18,708 ahli PAWE** telah mendapatkan suntikan vaksinasi COVID.19.

5.6 Persiapan Musim Tengkujuh

Saya juga mengambil kesempatan untuk menyentuh mengenai **persiapan dan kesiapsiagaan menghadapi musim Monsun Timur Laut tahun 2021**. Kakitangan JKM di Negeri dan PKMD hendaklah mematuhi Garis Panduan Pengurusan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) semasa COVID-19 yang berkuatkuasa pada 22 Oktober 2020. PKMD hendaklah memastikan kesesuaian PPS dan dilengkapi keperluan sewajarnya. Perkara-perkara seperti penyediaan peralatan dan keperluan saringan kesihatan awal, pematuhan kepada penjarakan fizikal serta penandaan jarak dan ruang diambil kira.

5.7 Pertandingan Melukis Poster Hari Kebangsaan

Bagi menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan 2021 dan sebagai pengisian perhimpunan bulanan kali ini, JKM telah mengadakan **pertandingan Melukis Poster Hari Kebangsaan bertemakan ‘JKM dan Kemerdekaan: Malaysia Prihatin’** bagi kakitangan JKM. Penyertaan adalah secara individu. Sambutan amatlah menggalakkan. Saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada kakitangan yang menyertai

pertandingan ini dan kepada pemenang, Syabas dan Tahniah saya ucapkan.

5.8 Hari Antidadah Antarabangsa (HADA) 2021

Inisiatif ini juga seiring dengan mesej sambutan **Hari Antidadah Antarabangsa (HADA) 2021 iaitu Kongsi Fakta Dadah, Selamatkan Nyawa** sebagai tunjang utama dalam usaha semua pihak dalam membanteras dadah.

5.9 Nafas Baharu Bagi Lagu Korporat JKM

Lagu Korporat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang bertajuk “Bersatu Untuk Kebajikan” telah disumbangkan secara bersama oleh Datuk Syed Jamalulail, Datuk Ahmad Dassilah dan Dato’ Noraini Hashim (mantan KPKM). Lagu ini dilancarkan pada tahun 1990an. **Mesyuarat Ketua Bahagian Bilangan 3 Tahun 2021 yang telah diadakan pada 19 April 2021 telah bersetuju agar Lagu Bersatu Untuk Kebajikan dibuat rakaman semula dan diberi nafas baharu. Cadangan rakaman semula lagu Bersatu Untuk Kebajikan bertujuan untuk meningkatkan imej korporat JKM dan diberi nafas baru sesuai dengan skop perkhidmatan JKM.**

IV. PENUTUP

Sidang hadirin yang dikasihi,

- 6 Di sini saya juga ingin mengucapkan selamat berjuang kepada **atlet-atlet Paralimpik yang telah memulakan perjuangan mereka untuk negara mulai 24 Ogos hingga 5 September 2021 di Tokyo, Jepun.** Memandangkan OKU merupakan salah satu kumpulan sasar utama JKM, kita mendoakan kejayaan pasukan paralimpik Malaysia. Semoga kejayaan dan semangat perjuangan mereka di Tokyo turut menjadi sumber inspirasi kepada seluruh rakyat Malaysia. Harapan kita agar atlet-atlet paralimpik terus mengekalkan kecemerlangan serta mengharumkan nama negara.

- 7 Di kesempatan ini, **saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya terhadap komitmen dan kesungguhan semua pegawai dan kakitangan Jabatan sepanjang bermulanya pandemik COVID-19 ini pada tahun 2020 sehingga ke hari ini.** Teruskan tekad dan semangat padu yang ditunjukkan dalam mengekalkan prestasi kerja yang produktif dan progresif.

Semoga setiap apa yang dilakukan sentiasa mendapat keberkatan daripada Allah Subhanahuwataala.

Sekalung tahniah dan terima kasih tidak terhingga juga kepada pihak urus setia dalam memastikan kelangsungan Perhimpunan Bulanan JKM dan Majlis pada hari ini.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, izinkan saya melafazkan dua (2) pantun sempena bulan kemerdekaan.

Dari Kelantan Ke Negeri Melaka,
Singgah Berehat di Bandar Terengganu,
Sudah 64 Tahun Malaysia Merdeka,
Hidup Aman Kekal Bersatu.

Bunga Raya Di Dalam Dulang,
Daunnya Pula Di Makan Ulat,
Rakyat Dibela Pemimpin Dijulang,
Malaysia Merdeka Kekal Berdaulat.

Sekian, Wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.